



KATA-KATA ALUAN DARI TIMBALAN PERDANA MENTERI MALAYSIA

SAYA mengucapkan tahniah di atas kejayaan Shamelin mengadakan usahasama dengan Syarikat National Land Finance dan Pacific Gamble Robinson, Amerika Syarikat bagi mendirikan sebuah kilang penapisan minyak kelapa sawit. Usahasama seperti ini memang digalakkan oleh kerajaan dan ianya akan mempercepatkan lagi kecapaian hasrat kerajaan supaya 30% dari jumlah saham dapat dimiliki oleh bumiputera menjelang tahun 1990.

Shamelin yang dulunya dikenali sebagai Koperasi Kedai Runcit telah berubah corak dan fungsinya. Ia telah berkembang dengan pesatnya dan menerokai berbagai bidang-bidang baru termasuklah bidang industri perkilangan. Perubahan-perubahan ini adalah perlu dan selaras dengan perkembangan perniagaan dan usaha-usaha kerajaan.

Penglibatan Shamelin bersama National Land Finance yang memiliki kawasan-kawasan estet yang luas dalam usahasama ini sangat menggalakkan sementara penglibatan Pacific Gamble Robinson dari Amerika Syarikat adalah membuktikan kepercayaan pelabur-pelabur asing terhadap kestabilan politik dan ekonomi negara ini.

Saya mengucapkan syabas kepada Lembaga Pengarah Shamelin Oil Processing yang telah dengan gigih berusaha untuk menentukan kejayaan kegiatan-kegiatan yang mana membolehkan pembukaan rasmi diadakan pada hari ini.

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia

(DATUK SRI DR. MAHATHIR BIN MOHAMAD)